



Siaran Akbar Ini Diembargo
4.00ptg, Sabtu, 3 September 2016

MERAIKAN BAHASA DAN BUDAYA MELAYU YANG DINAMIK DI MUZIUM NEGARA SINGAPURA

3 September 2016 – Bulan bahasa 2016 telah dilancarkan di Muzium Negara Singapura pada tengah hari tadi.

Bulan Bahasa 2016 yang berlangsung selama dua bulan, dari 15 Ogos hingga 15 Oktober, menyajikan pelbagai aktiviti yang memaparkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu, Bahasa Budaya dan Bahasa Mesra yang dinamik dan kekal relevan.

Meneruskan Minat terhadap Bahasa Melayu

Ketika berucap dalam majlis pelancaran, Tetamu Terhormat, Encik Ng Chee Meng, Pemangku Menteri Pendidikan (Sekolah) merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Pengangkutan, menekankan pentingnya kita meneruskan usaha untuk melestarikan Bahasa Ibunda. Beliau juga mengatakan bahawa masyarakat kita perlu berasa bangga dan terus berminat untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang bahasa, budaya dan nilai Melayu. Usaha berterusan ini akan membantu generasi masa depan Singapura.

Acara Hujung Minggu di Muzium Negara Singapura

Muzium Negara Singapura merupakan tempat yang baik untuk mengadakan Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa. Banyak artefak dan pameran tentang Perintis Melayu yang telah menyumbang kepada detik-detik penting dalam sejarah Singapura dipamerkan di Muzium Negara. Pengunjung akan berpeluang untuk menikmati aktiviti bahasa dan budaya Melayu yang diadakan di merata muzium. Sejumlah aktiviti akan diadakan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Cik Rahayu Mahzam, Pengurus Jawatankuasa Bulan Bahasa, mengimbas kembali kehilangan tokoh-tokoh bahasa dan sastera dalam masyarakat Melayu pada tahun ini. Menurut beliau, kita perlu terus membangunkan bahasa, sastera dan budaya Melayu menggunakan asas kukuh yang sedia ada serta meneruskan usaha mereka-mereka yang telah meninggalkan kita. Sudah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan bahasa dan budaya Melayu terus hidup. Beliau juga berkongsi bahawa beliau yakin akan masa depan Bahasa, sastera dan budaya Melayu dengan adanya golongan belia dan rakan kerjasama baharu yang menyediakan program-program untuk masyarakat.

“Saya amat berbesar hati untuk mengumumkan bahawa terdapat lebih daripada 50 rakan kerjasama telah menyediakan lebih daripada 100 program tahun ini. Program-program ini memberikan peluang kepada pelbagai golongan masyarakat untuk menikmati Bahasa Melayu sebagai bahasa yang relevan dan dinamik,” kata Cik Rahayu Mahzam. “Saya gembira dengan adanya golongan muda dan rakan kerjasama baharu seperti Haz Workz Design, Big Tree Pictures dan Nusantara Arts yang menganjurkan program-program menarik untuk masyarakat.”



Program-program Bulan Bahasa

Terdapat pelbagai program dan aktiviti pada hujung minggu yang disediakan untuk semua golongan masyarakat. Beberapa program yang diadakan termasuk:

- Singa Maksima oleh Ria 89.7FM dan Konsert Kopratasa & Rausyanfikir oleh Nusantara World Music
Program hiburan ini dijalankan di laman Muzium Negara bersama artis tempatan yang berbakat, Isnina, Klutz dan The Chapters semasa Konsert Singa Maksima. Bernostalgia bersama Kopratasa dan Rausyanfikir. Program ini diadakan pada Sabtu 3 September 2016 jam 5.30ptg. Tempat: Laman di Muzium Negara Singapura
- Rentak Kita! oleh Orkestra Sri Temasek
Dianjurkan oleh Duta Bahasa 2016 yang baru dilantik, Megat Muhammad Firdaus daripada Orkestra Sri Temasek. Persembahan orkestra Melayu ini juga menceritakan sejarah muzik Melayu dan memberi peluang kepada penonton untuk bernyanyi, menari, bermain rebana atau kompong. Sesi ini akan diadakan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Program bermula pada pukul 12.00tgh, Ahad, 4 September 2016. Tempat: *The Salon*, Muzium Negara Singapura.
- Bahasa Kita, Indahnya Bahasa dan Bahasaku oleh Jurong Green Community Club
Ketiga-tiga persembahan ini akan memaparkan lirik yang ditulis oleh peserta-peserta sekolah menengah daripada pertandingan menulis lirik yang diadakan tahun lepas. Pelajar-pelajar yang telah bekerja sama dengan Nusantara World Music untuk mencipta lagu mereka akan berkongsi tentang perjalanan mereka menulis lirik. Program bermula 11.00pg, 1.00ptg dan 3.00ptg pada Ahad, 4 September 2016. Tempat: *The Concourse*, Muzium Negara Singapura.
- Bilik oleh Teatro, Politeknik Temasek
Dididik dan dilatih oleh Duta Bahasa Aidli Alin Mosbit dan dipersembahkan oleh pelajar-pelajar Politeknik Temasek, karya Noor Effendy Ibrahim bertajuk ‘Bilik’, menghidupkan kepelbagaiannya yang tersirat dalam bahasa Melayu. Program ini diadakan pada 12.00tgh dan 4.30ptg pada Sabtu, 3 September 2016. Tempat: *Explore Room*, Muzium Negara Singapura.
- Rakan-rakan Muzium & Jejak Interaktif
Mari bersama Rakan-rakan Muzium yang akan membawa anda kembali ke masa silam dan berkongsi tentang detik-detik penting sejarah Singapura. Rakan-rakan Muzium akan mengendalikan program ini dalam bahasa Melayu dengan versi bahasa Inggeris tersedia untuk pengunjung lain. Program bermula 11.00pg dan berlangsung sepanjang hari pada Sabtu dan Ahad, 3 dan 4 September 2016. Tempat: *Singapore History Gallery* di Muzium Negara Singapura.



- Acara Unggul Bulan Bahasa

Majlis-majlis Pelancaran Bulan Bahasa juga akan diadakan di kawasan-kawasan perumahan di Tampines, Choa Chu Kang, Nee Soon, Jurong, dan untuk pertama kalinya, Sembawang. Tarikh dan tempat untuk perayaan-perayaan ini ialah:

- 10 September – Kelab Masyarakat Tampines
- 17 September – Pusat Membeli-belah Lot 1
- 18 September – Kelab Masyarakat Woodlands
- 24 September – Kelab Masyarakat Nee Soon East
- 1 Oktober – Pusat Membeli-belah IMM

Untuk program-program acara hujung minggu serta Bulan Bahasa yang lengkap, sila lungsuri laman Majlis Bahasa Melayu Singapura di <https://mbms.sg> dan muat turun kalendar acara Bulan Bahasa 2016.

~~~

**Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan sesi temu bual, sila hubungi:**

Cik Aisyah Noor Mohd

DID: 6332 5136

Telefon bimbit: 9745 9738

E-mel: [siti\\_aisyah\\_noor\\_mohd@nhb.gov.sg](mailto:siti_aisyah_noor_mohd@nhb.gov.sg)

**Tentang Bulan Bahasa oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Sejak 1988, Majlis Bahasa Melayu Singapura telah menganjurkan Bulan Bahasa untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2012, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan yang terus mendapat sokongan daripada masyarakat. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk memupuk keyakinan diri dan kemahiran bahasa Melayu serta melestarikan budaya dan warisan Melayu. Untuk maklumat lanjut mengenai Majlis Bahasa Melayu Singapura, dan Bulan Bahasa, sila lungsuri [mbms.sg](https://mbms.sg) dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa).